



PEMERHATIAN AWAL TERHADAP PERAWI MARTABAT KELIMA DALAM *TAQRĪB AL-TAHDHĪB*

(An Early Observation on the Fifth Rank of Narrators in *Taqrīb al-Tahdhīb*)

Ahmad Mursyid Azhar¹, Helimiy Aris²

^{1,2} Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

The fifth rank is one of the 12 levels of *al-jarḥ wa al-ta'dīl* terminology used by Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī in determining the status of hadith narrators in his book *Taqrīb al-Tahdhīb*. This rank is considered slightly lower than the fourth rank. There have been several previous writings and studies that discuss the fifth rank in *Taqrīb al-Tahdhīb*. Past research shows that there are common themes studied within this fifth rank. Therefore, this study aims to compile the themes that have been explored in relation to the fifth rank and to analyze the views of previous scholars regarding these themes. This study employs a qualitative approach by applying content analysis as its research design. Data collection was carried out through document analysis of books and articles related to the fifth rank in *Taqrīb al-Tahdhīb*. The study found that six main themes have been explored in previous research concerning the fifth rank. It also found that there are still research gaps regarding this particular rank.

Keywords: Fifth Rank Narrator, Ibn Ḥajar, *Taqrīb al-Tahdhīb*.

Article Progress

Received: 21 June 2025

Revised: 4 August 2025

Accepted: 10 November 2025

*Corresponding Author:

Ahmad Mursyid Azhar.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:

ahmadmursyid80@gmail.com

PENDAHULUAN

Ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* adalah berkenaan penetapan status perawi sama ada diterima atau ditolak menggunakan kaedah dan lafaz yang tertentu.¹ Tujuan jangka masa panjangnya adalah untuk memelihara agama daripada dirosakkan oleh para pendusta hadis.² Dalam lapangan ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl*, terdapat sekumpulan pakar dari kalangan ahli hadith sendiri yang berperanan menilai status perawi. Mereka terkenal sebagai berpengetahuan luas tentang biografi perawi dan hal ehwal sanad. Antara mereka ialah Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī yang berupaya merumuskan pandangan ahli *al-jarḥ wa al-ta'dīl* sebelumnya melalui sebuah karya yang ringkas dan sarat dengan info berkenaan perawi hadith iaitu *Taqrīb al-Tahdhīb*.

Kitab *Taqrīb al-Tahdhīb* menghimpunkan biografi perawi *al-Kutub al-Sittah* (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasāʾī* dan *Sunan Ibn Mājah*) dan *mulḥaqāt al-Kutub al-Sittah* (iaitu karya lain yang ditulis oleh para pengarang *al-Kutub al-Sittah*). Selain itu, ia juga menghimpunkan biografi perawi yang mirip dengan perawi *al-Kutub al-Sittah* dan *mulḥaqāt al-Kutub al-Sittah*. Hakikatnya, *Taqrīb al-Tahdhīb* adalah versi ringkas dan suntingan bagi karya Ibn Ḥajar yang sebelumnya iaitu *Tahdhīb al-Tahdhīb*. *Tahdhīb al-Tahdhīb* pula adalah versi ringkas dan suntingan bagi sebuah karya yang berjudul *Tahdhīb al-Kamāl* yang ditulis oleh Jamāl al-Dīn al-Mizzī. *Tahdhīb al-Kamāl* itu sendiri adalah versi suntingan bagi sebuah karya lain yang berjudul *al-Kamāl fī Asmāʾ al-Rijāl* yang ditulis oleh ʿAbd al-Ghanī al-Maqdisī.³ Terdapat seramai 7921 biografi perawi yang telah dihimpunkan dalam *Taqrīb al-Tahdhīb*.⁴

¹ Al-Ghawrī, Sayyid ʿAbdul Majīd. 2007. *Muʿjam Alfāz al-Jarḥ Wa al-Taʿdīl Maʿa Tarājim Mūjazah Liʾaʾimmah al-Jarḥ Wa al-Taʿdīl*. Beirut: Dār Ibn Kathīr. Hlm. 9.

² Nūraddīn ʿItr. 2019. *Uṣūl al-Jarḥ Wa al-Taʿdīl Wa ʿIlm al-Rijāl*. Syria: Dār al-Minhāj al-Qawīm. hlm. 26.

³ Bashār ʿAwwād Maʾrūf, Shuʾayb al-ʿArnaʾūṭ. 1997. *Taḥrīr Taqrīb al-Tahdhīb*. Beirut: Muʾassasah al-Risālah. Jilid. 1. hlm. 8.

⁴ Al-ʿAsqalānī. 2009. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Taḥqīq: Muḥammad ʿAwwāmah. hlm. 37

Ibn Hajar telah menjelaskan metodologi penulisan beliau pada bahagian pendahuluan *Taqrīb al-Tahdhīb* seperti maksud simbol-simbol yang digunakan, pembahagian para perawi kepada dua belas *ṭabaqah* (peringkat atau generasi) dan status perawi kepada dua belas martabat atau kelas.⁵ Pada martabat kelima yang disifatkan sebagai martabat yang sedikit rendah daripada martabat keempat, beliau telah menandakannya dengan lafaz-lafaz berikut:

1. *ṣadūq sayyi' al-ḥifẓ* (صدق سيء الحفظ)
2. *ṣadūq yahim* (صدق يهيم)
3. *ṣadūq lahu awhām* (صدق له أوهام)
4. *ṣadūq yukhṭi'* (صدق يخطئ)
5. *ṣadūq taghayyar bi'akharah* (صدق تغير بأخرة)
6. *al-tashayyu'* (التشيع)
7. *al-qadr* (القدر)
8. *al-naṣb* (النصب)
9. *al-irjā'* (الإرجاء)
10. *al-tajahhum* (التجهيم).⁶

Kajian lepas mengenai sebahagian lafaz yang menandakan martabat kelima di atas menunjukkan keperluan yang signifikan kepada penelitian semula terhadap makna sebenar yang dikehendaki oleh Ibn Hajar di sebalik martabat tersebut, aplikasinya ke atas perawi *al-Kutub al-Sittah* dan kesannya terhadap status hadith. Kajian ini akan menyorot persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh para pengkaji lepas mengenai martabat kelima dan lafaz-lafaz yang menandakannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Pengumpulan data adalah secara analisis dokumen berbentuk buku dan artikel yang membicarakan status martabat kelima dalam *Taqrīb al-Tahdhīb* secara khusus dan yang membicarakan tentang lafaz-lafaz *al-jarḥ wa al-ta'dīl* secara umum. Kajian ini mengaplikasikan kaedah perbandingan sebagai kaedah analisis data bagi membandingkan pandangan pengkaji-pengkaji lepas terhadap persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

METODOLOGI KHUSUS IBN HAJAR

Kajian lepas menunjukkan metodologi yang digunakan Ibn Hajar dalam pembahagian perawi dan status perawi menerusi *Taqrīb al-Tahdhīb* adalah tersendiri dan tertakluk kepada karya tersebut sahaja. Hal ini demikian kerana lafaz-lafaz *al-jarḥ wa al-ta'dīl* yang menandakan setiap martabat dalam kitab ini adalah berbeza dengan yang telah digunakan oleh ahli *al-jarḥ wa al-ta'dīl* sebelum Ibn Hajar. Sebagai contoh, lafaz Sahabat telah dijadikan sebagai penanda martabat pertama oleh Ibn Hajar. Menurut Muḥammad 'Awwāmah dan Muṣṭafā Abū Zayd, Sahabat bukan salah satu lafaz *al-jarḥ wa al-ta'dīl* yang digunakan oleh ulama-ulama hadis sebelum Ibn Hajar. Sementara di sisi Ibn Hajar, ia merupakan *ta'dīl ilāhī*⁷.

Begitu juga dengan martabat kedua yang digunakan Ibn Hajar dalam kitab ini. Menurut Muṣṭafā Abū Zayd, martabat kedua terdiri daripada lafaz-lafaz *tawthīq* berbentuk penegasan seperti *awṭhaq al-nās* yang berbentuk *wazan af'al* dan *thiqah al-thiqah* yang berbentuk pengulangan *tawthīq*. Kedua-dua

⁵ ibid. hlm. 110.

⁶ ibid. hlm. 110.

⁷ Ibid. hlm. 54. Muṣṭafā Abū Zayd. 2022. *Buḥūth Hadīthiyyah*. Mesir: Mishkāṭ al-Azhariyyīn. hlm. 231.

bentuk lafaz ini diletakkan dalam satu martabat yang sama. Sedangkan ahli *al-jarḥ wa al-ta'dīl* yang lain membezakan kedudukan kedua-dua lafaz ini.⁸

ISU-ISU BERKAITAN MARTABAT KELIMA

Berdasarkan kepada kajian lepas, terdapat enam isu utama yang menjadi perbincangan para pengkaji berkenaan dengan martabat kelima dalam kitab *Taqrīb al-Tahdhīb* seperti berikut:

1. Metode khusus Ibn Ḥajar:

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Ibn Ḥajar telah mengetengahkan metodologi khusus dalam *Taqrīb al-Tahdhīb*. Selain daripada martabat pertama dan martabat kedua, martabat kelima juga menunjukkan beliau membawa metodologi yang tersendiri dalam pengelasan lafaz *al-jarḥ wa al-ta'dīl*. Walau bagaimanapun, terdapat perselisihan pendapat dalam menentukan status lafaz-lafaz yang menandakan martabat kelima.

Antaranya ialah gandingan lafaz “*ṣadūq*” dengan lafaz “*yahim*”, “*yukḥṭi*”, “*rumiyya bilqadr*”, “*yataṣhayya*” dan sebagainya. Menurut Muḥammad ‘Awwāmah, gandingan lafaz “*ṣadūq*” dan lafaz yang merujuk kepada ahli bidaah adalah ciri khas *Taqrīb al-Tahdhīb*. Hal ini demikian kerana ulama *al-jarḥ wa al-ta'dīl* sebelum Ibn Ḥajar tidak pernah menghadkan perawi ahli bidaah dalam satu martabat khusus. Sebaliknya, dalam kalangan mereka (ahli bidaah) ada yang boleh dinilai sebagai *thiqah*.⁹

Manakala, menurut Muṣṭafā Abū Zayd pula, martabat kelima dalam *Taqrīb al-Tahdhīb* adalah dikhususkan kepada perawi *mukhtalaf fih* (yang diperselisihkan). Sedangkan ulama *al-jarḥ wa al-ta'dīl* sebelum Ibn Ḥajar tidak pernah mengkhususkan perawi *mukhtalaf fih* dalam satu martabat.¹⁰

2. Martabat kelima dan perawi *mukhtalaf fih*:

Perawi *mukhtalaf fih* ialah perawi diperselisihkan statusnya oleh kalangan pengkritik hadis.¹¹ Kebiasaannya, para sarjana berselisih pandangan mengenai statusnya disebabkan daya hafalannya dipertikai oleh sesetengah pihak dan tidak sehebat perawi hadis ṣaḥīḥ. Perselisihan antara sarjana adalah mengenai statusnya sama ada *thiqah*, *ṣadūq* atau *ḍa'īf*. Status tersebut sudah pasti akan mempengaruhi status hadis perawi terbabit sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* atau *ḍa'īf*. Oleh sebab itu, biasanya komentar sarjana lebih-lebih yang terkemudian seperti al-Dhahabī dan Ibn Ḥajar terhadap perawi *mukhtalaf fih* ditulis dalam bentuk lafaz *murakkab* (berangkai).

Hampir kesemua pengkaji sepakat mengatakan, martabat kelima adalah berkaitan perawi-perawi yang diperselisihkan statusnya. Justeru, lafaz-lafaz martabat tersebut telah diungkap dalam bentuk berangkai. Dalam hal ini, Ibn Rajab al-Ḥanbalī membahagikan perawi hadis kepada empat bahagian seperti berikut:

1. Perawi yang dituduh sebagai pemalsu hadis.
2. Perawi yang “*ṣādiq*” (jujur) tetapi kesilapannya dalam periwayatan adalah dominan.
3. Perawi yang “*ṣādiq*” (jujur) dan jarang melakukan kesilapan dalam periwayatan.
4. Perawi yang “*ṣādiq*” (jujur) dan banyak melakukan kesilapan dalam periwayatan.

Golongan pertama dan kedua adalah *matrūk* (iaitu ditolak riwayatnya). Golongan ketiga pula boleh diterima riwayatnya. Sementara golongan keempat pula adalah *mukhtalaf fih* (iaitu sarjana hadis berselisih pandangan mengenainya).¹²

3. Pembahagian Lafaz *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* kepada *mufrad*, *mukarrar* dan *murakkab*:

Aḥmad Ma'bad menyatakan, para sarjana hadis terdahulu atau terkemudian telah mengguna dan mengungkapkan lafaz *al-jarḥ wa al-ta'dīl* dalam tiga bentuk iaitu *mufrad*, *mukarrar* dan *murakkab*. Lafaz *mufrad* ialah lafaz yang terdiri daripada satu perkataan sahaja seperti *thiqah* dan seumpamanya.

⁸ Muṣṭafā Abū Zayd. 2022. *Buḥūth Hadīthiyyah*. hlm. 231.

⁹ Al-'Asqalānī. 2009. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Taḥqīq: Muḥammad 'Awwāmah. hlm. 55.

¹⁰ Ibid. hlm. 231.

¹¹ Muṣṭafā Abū Zayd. 2022. *Buḥūth Hadīthiyyah*. Hlm 195.

¹² Ibn Rajab al-Ḥanbalī. 1987. *Sharḥ 'Ilal Al-Tirmidhī*. Jordan: Maktabat al-Manār. Jilid 2, hlm 560.

Lafaz *mukarrar* ialah apabila suatu lafaz atau maknanya disebut secara berulang. Sementara lafaz *murakkab* ialah lafaz berangkai atau mengandungi lebih daripada satu perkataan. Lafaz *murakkab* terbahagi kepada *murakkab juz'ī* dan *murakkab kullī*. *Murakkab juz'ī* ialah lafaz yang mengandungi lebih daripada satu perkataan dan setiap perkataan hanya menandakan sama ada aspek *al-'adālah* atau *al-ḍabt*. *Murakkab kullī* pula ialah lafaz yang mengandungi lebih daripada satu perkataan dan setiap perkataan menandakan kedua-dua aspek *al-'adālah* dan *al-ḍabt* sekaligus.¹³

Lafaz <i>mufrad</i>	<i>thiqah/da 'īf</i>
Lafaz <i>mukarrar</i>	<i>thiqah thiqah/thiqah thabt</i>
Lafaz <i>murakkab juz'ī</i>	<i>'adl dābiṭ</i>
Lafaz <i>murakkab kullī</i> daripada kategori yang sama	<i>thiqah ṣadūq/ṣadūq yahim</i>

Lafaz *murakkab kullī* wujud dalam tiga bentuk seperti berikut:

Semua lafaz adalah daripada kategori <i>ta'dīl</i> sahaja	<i>thiqah ṣadūq</i>
Semua lafaz adalah daripada kategori <i>tajrīh</i> sahaja	<i>da 'īf al-ḥadīth wāhi al-ḥadīth</i>
Lafaz-lafaz yang bercampur daripada kategori yang berbeza	<i>Kāna thiqatan wa laysa bi al-qawiy/ṣadūq yahim</i>

Penentuan status perawi yang disifatkan dengan lafaz *murakkab* memerlukan hal-hal berikut:

1. Pengetahuan yang memadai terhadap metod para pengkritik perawi.
2. Mengambil kira *qarīnah dākhilīyah khārijīyah* (konteks dalaman dan luaran) bagi menentukan maksud sebenar sesuatu lafaz.
3. Menyelaraskan pertembungan maksud berdasarkan *qarīnah*.
4. Meneliti kesahan teks terlebih dahulu dengan merujuk kepada sumber primer.¹⁴

4. Maksud martabat kelima:

Meskipun para pengkaji hampir sebulat suara mengatakan bahawa perawi martabat kelima tergolong dalam kategori *mukhtalaf fīh*, mereka masih berselisih pandangan tentang status perawi martabat kelima. Secara umumnya, ia boleh disimpulkan kepada dua pandangan seperti berikut:

Pandangan pertama.

Status perawi martabat kelima adalah sinonim dengan perawi hadith *ḥasan*. Antara yang berpegang dengan pandangan ini ialah Aḥmad Ma'bad, Munā Maḥmūd, Muṣṭafā Abū Zayd, Walīd al-'Ānī.

Hujah pandangan pertama:

Menurut Aḥmad Ma'bad, tujuan sebahagian sarjana hadith seperti al-Dhahabī dan Ibn Ḥajar mengasingkan lafaz *al-jarḥ wa al-ta'dīl* kepada dua martabat, satu khusus buat lafaz *mufrad* (iaitu terdiri daripada satu perkataan sahaja) dan satu lagi buat lafaz *murakkab* (iaitu terdiri daripada dua atau lebih perkataan) adalah untuk membezakan antara dua peringkat bagi martabat *ḥasan lidhātih*. Hal tersebut demikian sebab menurut mereka (iaitu al-Dhahabī dan Ibn Ḥajar), hadith *ḥasan* juga terbahagi kepada beberapa peringkat seperti hadith *ṣaḥīḥ*.¹⁵

Selain itu, kebanyakan perawi dalam martabat kelima adalah dalam kategori *mukhtalaf fīh* (yang diperselisih statusnya). Sebahagian daripada mereka ini disebut oleh al-Tirmidhī dalam al-'Ilal sebagai golongan *thiqāt* (terpercaya) tetapi sebahagian hadith mereka dinilai oleh sarjana hadith sebagai *da 'īf*

¹³ Aḥmad Ma'bad. 2004. *Alfāz Wa 'Ibārāt Al-Jarḥ Wa Al-Ta'dīl Bayna Al-Ifrād Wa Al-Takrīr Wa Al-Tarkīb Wa Dalālat Kull Minhā 'alā Ḥāl Al-Rāwī Wa Al-Marwī*. Riyāḍ: Aḍwā' al-Salaf. Hlm 11-211.

¹⁴ Ibid. Hlm 206-208.

¹⁵ Ibid. Hlm 179-180.

disebabkan faktor-faktor tertentu. Namun, hadith mereka secara bersendirian telah dinilai oleh al-Tirmidhī sebagai *ḥasan lidhātih*. Menurut Aḥmad Ma‘bad, yang demikian adalah cara Imam al-Tirmidhī memperkenalkan hadith *ḥasan lidhātih* iaitu dengan meriwayatkan sejumlah hadith yang dilaporkan oleh perawi *mukhtalaf fih* dan menilainya sebagai *ḥasan*.¹⁶

Selain itu, terdapat kenyataan beberapa sarjana silam seperti al-Mundhirī, Ibn Daqīq al-‘Id, al-Zayla‘ī, Ibn al-Ṣalāḥ dan Ibn Ḥajar sendiri yang menunjukkan secara jelas bahawa status hadith perawi *mukhtalaf fih* adalah *ḥasan lidhātih*.¹⁷

Menurut al-‘Ānī, al-Dhahabī telah mengumpul nama-nama perawi *mukhtalaf fih* dalam salah sebuah karya beliau dan telah menyatakan bahawa hadith mereka tidak lebih rendah daripada status *ḥasan*. Sebahagian mereka telah dinilai oleh Ibn Ḥajar dengan lafaz-lafaz yang terdapat dalam martabat yang kelima.¹⁸

Sebahagian daripada perawi martabat kelima juga didapati adalah *rijāl al-Shaykhayn* (perawi-perawi yang diriwayatkan hadith mereka dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*). Sebahagian mereka adalah dalam kategori *muttafaq ‘alayh* dan sebahagian yang lain sama adalah dalam kategori *afrād al-Bukhārī* atau *afrād Muslim*. Sebahagian mereka ada yang dinilai hadithnya sebagai *ḥasan* oleh al-Bukhārī dan Ibn Ḥajar sendiri.¹⁹

Walau bagaimanapun, hadith perawi *mukhtalaf fih* hanya dinilai sebagai *ḥasan* apabila ia menepati dua syarat iaitu:

1. Mengambil kira hal-hal yang menyebabkan riwayatnya dinilai lemah seperti *tadlīs* dan lain-lain.
2. Tidak bercanggah dengan riwayat perawi lain yang lebih dipercayai berbandingnya.²⁰

Pandangan kedua:

Status perawi martabat kelima adalah sinonim dengan perawi hadith *ḍa‘īf*. Jika terdapat jalur lain yang menyokong, ia dinilai sebagai *ḥasan lighayrih*. Demikian adalah pandangan Aḥmad Shākir, Maḥmūd Taḥḥān, Shu‘ayb al-Arna‘ūt dan Bashshār ‘Awwād. Sementara menurut Ismā‘īl Riḍwān, Ṭālib Abū Ashqar, Nu‘aym al-Ṣafīdī dan Randah Zīnū, hadith perawi martabat kelima adalah *ḍa‘īf* jika ia diriwayatkan secara bersendirian. Namun, jika terdapat jalur lain yang menyokong, statusnya berubah menjadi *ṣaḥīḥ lighayrih*.

Hujah pandangan kedua:

Pandangan Aḥmad Shākir, Maḥmūd Taḥḥān, Shu‘ayb al-Arna‘ūt dan Bashshār ‘Awwād bersandarkan kepada kenyataan beberapa sarjana terdahulu seperti Ibn Abī Ḥātim²¹, Ibn al-Ṣalāḥ²² dan al-Nawawī²³ yang menjelaskan, ungkapan “*ṣadūq*” menandakan perawi yang hadithnya tidak boleh dijadikan sebagai hujah secara bersendirian. Hal ini adalah demikian kerana ia tidak menggambarkan aspek *ḍabṭ* pada perawi. Justeru, penelitian terhadap aspek tersebut perlu dilakukan melalui perbandingan antara hadith yang dilaporkannya dan yang dilaporkan oleh golongan yang dipercayai.

¹⁶ Ibid. hlm 162-163.

¹⁷ Al-‘Ānī, Walīd bin Ḥasan. 1999. *Manhaj Dirāsah al-Asānīd Wa al-Ḥukm ‘Alayhā*. Jordan: Dār al-Nafā‘is. Hlm 92-94.

¹⁸ Ibid. hlm 96-98.

¹⁹ Ibid. hlm 98-125.

²⁰ Muṣṭafā Abū Zayd. 2022. *Buḥūth Hadīthiyyah*. Hlm 228.

²¹ Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, ‘Abdul Raḥman bin Muḥammad. 1952. *Al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī. Jilid 2, hlm 37.

²² Ibn Ṣalāḥ, ‘Uthmān bin ‘Abdul Raḥmān. 1998. *Ulūm al-Ḥadīth*. Syria: Dār al-Fikr. Hlm 123.

²³ Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharf. 2019. *Al-Taqrīb Wa al-Taysīr*. Istanbul: Dār al-Sammān. Hlm 92.

Selain itu, ungkapan “*ṣadūq yahim*” bermaksud seorang perawi yang berstatus *ḥasan* pada sebahagian riwayatnya dan *ḍa‘īf* pada sebahagian yang lain.²⁴ Hal demikian memerlukan kajian terperinci terhadap semua riwayatnya. Jika didapati ia selari dengan riwayat perawi *thiqah* (terpercaya), setatusnya akan berubah menjadi *ḥasan lighayrih*. Sebaliknya jika tidak ditemui *mutābi‘* (jalur sokongan) atau wujud percanggahan antara riwayatnya dan riwayat perawi yang terpercaya, ia kekal sebagai *ḍa‘īf*.

Menurut Ismā‘īl Ridwān, Ṭālib Abū Ashqar, Nu‘aym al-Ṣafadī dan Randah Zīnū pula, hukum asal martabat ini adalah sama seperti martabat keempat iaitu *ḥasan* sebagaimana yang difahami daripada ungkapan “*ṣadūq*”. Sementara ungkapan “*yahim*”, “*awhām*” dan lain-lain adalah bersifat sementara dan berubah mengikut situasi. Disebabkan faktor sementara tersebut dia disifatkan sebagai *ḍa‘īf*. Oleh itu, jika terdapat jalur lain menyokong riwayat perawi martabat kelima, ia menunjukkan sifat sementara yang disangkakan ada padanya tidak wujud sama sekali. Ketika itu, hadithnya sama seperti yang berstatus *ḥasan lidhātih*. Apabila disokong dengan jalur lain akan menjadi *ṣaḥīḥ lighayrih*.²⁵

5. Status Perawi Martabat Kelima

Dengan mengambil kira maksud martabat kelima dalam *Taqrīb al-Tahdhīb*, beberapa kajian telah dilakukan ke atas sejumlah perawi yang disifatkan dengan beberapa lafaz dari martabat tersebut. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Munā Maḥmūd²⁶ ke atas empat belas orang perawi martabat kelima yang hadith mereka telah diriwayatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kesemua mereka telah disifatkan oleh Ibn Ḥajar dengan ungkapan “*ṣadūq yahim*”. Mereka adalah dari kalangan *tābi‘īn*, *tābi‘ al-tābi‘īn* dan guru-guru Imam al-Bukhārī. Dapatan kajian beliau menunjukkan hal-hal berikut:

1. Tiga orang daripada perawi-perawi tersebut telah dinilai oleh Ibn Ḥajar dalam *Fath al-Bārī* dengan lafaz *ta‘dīl* iaitu *mutqin*, *thiqah* dan *ṣadūq*.
2. Terdapat komentar daripada beberapa sarjana sebelum Ibn Ḥajar terhadap mereka yang mungkin boleh merubah status mereka tetapi ia tidak dinyatakan oleh Ibn Ḥajar dalam *Tahdhīb al-Tahdhīb*.

Sementara kajian yang dilakukan oleh Nu‘aym al-Ṣafadī dan Randah Zīnū²⁷ terhadap perawi yang disifatkan oleh Ibn Ḥajar dengan ungkapan “*ṣadūq laḥū Awhām*” menunjukkan hal-hal berikut:

1. Perawi yang disifatkan dengan ungkapan “*ṣadūq laḥū Awhām*” dan hadithnya diriwayatkan oleh *al-Shaykhān* (al-Bukhārī dan Muslim) adalah seramai sembilan orang perawi sahaja.
2. Dua orang perawi daripada mereka adalah berstatus *thiqah* dan tujuh lagi berstatus *ṣadūq*.

Walīd al-‘Ānī pula telah melakukan kajian ringkas ke atas seramai 118 orang perawi martabat kelima yang diungkapkan dengan pelbagai lafaz. Mereka telah dibahagikan kepada beberapa kriteria seperti berikut²⁸:

²⁴ Bashār ‘Awwād Ma‘rūf, Shu‘ayb al-Arna‘ūṭ. 1997. *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah. Jilid 1, hlm: 17.

²⁵ Nu‘aym As‘ad al-Ṣafadī et. al. 2020. Al-Ruwāḥ Al-Mawṣūfūn Biṣadūq Lahu Awhām ‘Inda Ibn Ḥajar Fī al-Taqrīb Mimman Rawā Lahum Al-Bukhārī Wa Muslim Fī Ṣaḥīḥayhima Takhrīj Wa Dirāsah. *Majallah al-Jāmi‘ah Li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*. 30 (1): hlm. 119.

²⁶ Munā Maḥmūd Ibrāhīm Muḥammad. 2015. “Al-Ruwāḥ Alladhīna Qāla Fīhim Ibn Ḥajar Fī Taqrīb al-Tahdhīb Ṣadūq Yahim Wa’akhrāja Lahum al-Bukhārī Fī Ṣaḥīḥih”. *Al-Farā‘id Fī al-Buḥūth al-Islāmiyyah Wa al-‘Arabiyyah*. Mesir. 32 (1): hlm. 1772.

²⁷ Nu‘aym As‘ad al-Ṣafadī et. al. Al-Ruwāḥ Al-Mawṣūfūn Biṣadūq Lahu Awhām ‘Inda Ibn Ḥajar Fī al-Taqrīb Mimman Rawā Lahum Al-Bukhārī Wa Muslim Fī Ṣaḥīḥayhima Takhrīj Wa Dirāsah. Hlm. 121.

²⁸ Al-‘Ānī, Walīd bin Ḥasan. 1999. *Manhaj Dirāsah al-Asānīd Wa al-Ḥukm ‘Alayhā*. Hlm 95-122.

Bil	Kriteria	Jumlah Perawi
1	Perawi martabat kelima yang dinilai oleh al-Dhahabī dengan lafaz-lafaz yang menandakan perawi <i>hadith ḥasan</i>	12
2	Perawi martabat kelima yang hadith mereka dalam <i>al-Ṣaḥīḥān</i> sebagai berstatus hujah	31
3	Perawi martabat kelima yang hadith mereka telah dinilai oleh al-Bukhārī, al-Dārquṭnī, Ibn Hajar, al-Suyūṭī sebagai <i>ḥasan</i>	13
4	Perawi martabat kelima yang hadith mereka telah dinilai oleh al-Bukhārī, Muslim, Abū Zur‘ah, al-Tirmidhī dan al-Dārquṭnī sebagai <i>ṣaḥīḥ</i>	22
5	Perawi martabat kelima yang hadith mereka telah dinilai oleh Ibn Hajar sebagai <i>ḥasan</i>	22
6	Perawi martabat kelima yang hadith mereka telah dinilai oleh Ibn Hajar sebagai <i>ṣaḥīḥ</i>	18
Total		118

Muṣṭafā Abū Zayd pula telah menyenaraikan pandangan Abū al-Ḥasan Ibn al-Qaṭṭān, al-Nawāwī, al-Dhahabī, al-Zarkashī, Ibn al-Mulaqqin, Shihāb al-Dīn al-Būshīrī, Ibn Hajar, al-Sakhāwī dan al-Suyūṭī terhadap seramai 35 orang perawi martabat kelima dan kesemuanya menunjukkan mereka adalah tergolong dalam kategori *mukhtalaf fīh*. Menurut Muṣṭafā Abū Zayd, perawi *mukhtalaf fīh* adalah perawi hadith *ḥāsan* selagi riwayatnya tidak bercanggah dengan riwayat perawi terpercaya dan bukan yang dipertikai oleh sebahagian sarjana hadith.²⁹

Hakikatnya, masih ramai lagi perawi-perawi yang tergolong dalam martabat kelima belum dikaji status mereka sedangkan hadith mereka banyak terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Keperluan mengetahui status hadith *al-Kutub al-Sittah* menuntut kajian yang terperinci dilakukan terhadap para perawinya yang sebahagian mereka adalah perawi martabat kelima.

6. Status Hadis Perawi Martabat Kelima

Penilaian status hadith perawi martabat kelima perlu melalui proses *takhrīj* terlebih dahulu bagi tujuan mengumpul semua hadith perawi daripada sumber-sumber primer. Hadith perlu diambil dari sumber primer bagi mengetahui lafaznya yang lengkap dan jalurnya yang pelbagai. Sanad dan lafaz hadith perlu dianalisis bagi mengetahui statusnya. Analisis status perawi adalah sebahagian daripada proses mengetahui status sanad yang disebut sebagai *ḥukm dirā’i*. Para sarjana hadith terdahulu dan kini juga ada yang memberi komentar mengenai status hadith. Ia perlu difahami dan diteliti bagi mengetahui status hadith secara menyeluruh dan tepat. Status hadith berasaskan komentar para sarjana disebut sebagai *ḥukm naqlī*.

Kebanyakan kajian lepas hanya memberi fokus kepada status perawi dan pandangan para sarjana terdahulu terhadapnya tanpa melibatkan aspek *takhrīj* hadith dan analisis sanad. Walaupun mereka dengan jelas menyebut hadith perawi martabat kelima adalah *ḥasan lidhātih* atau *ḍa’if*, pada hakikatnya

²⁹ Muṣṭafā Abū Zayd. 2022. *Buḥūth Hadīthiyyah*. Hlm 190-235.

ia adalah menandakan status perawi selagi tiada kajian *takhrīj* dan analisis sanad dilakukan. Ia bukan bermaksud semua hadith mereka adalah berstatus *hasan* atau *ḍa'īf* disebabkan penilaian status hadith tidak bergantung kepada status perawi semata-mata.

Walau bagaimanapun, Nu'aym al-Ṣafadī dan Randah Zīnū telah melakukan kajian ke atas hadith-hadith perawi yang disifatkan oleh Ibn Hajar dengan ungkapan “*ṣadūq lahū Awhām*”. Kajian mereka memfokuskan hadith-hadith yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* serta alasan *al-Shaykhān* meriwayatkan hadith-hadith tersebut. Berikut adalah dapatan kajian mereka³⁰:

1. Hadith perawi yang disifatkan dengan ungkapan “*ṣadūq lahū Awhām*” dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah sebanyak tujuh puluh tiga (73) hadith dengan enam daripadanya adalah yang berstatus *muttafaq ‘alayh*, tiga puluh sembilan (39) adalah *afrād al-Bukhārī* dan dua puluh lapan (28) adalah *afrād Muslim*.
2. Imam al-Bukhārī dan Muslim meriwayatkan hadith mereka disebabkan mereka adalah perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith daripada guru tertentu dan paling lama mendapinginya berbanding perawi-perawi lain.
3. Riwayat mereka dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* juga memiliki *mutāba‘ah tāmmah* dan hanya sedikit sahaja yang memiliki *mutāba‘ah qāṣirah*.
4. Kebanyakan hadith mereka adalah dalam kategori *al-uṣūl* dan terdapat segelintir daripadanya adalah dalam kategori *mutāba‘āt*, *shawāhid* dan *mu‘allaq* dengan lafaz *jazm*.
5. Penelitian terhadap hadith perawi martabat kelima dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* menunjukkan ketelitian al-Bukhārī dan Muslim dalam menyaring perawi dan hadith.

Selain kajian di atas, belum ditemui lagi kajian *takhrīj* dan analisis sanad secara khusus terhadap hadith-hadith perawi yang disifatkan dengan lafaz-lafaz lain yang terdapat dalam martabat kelima *Taqrīb al-Tahdhīb*.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Ibn Hajar telah menggunakan metodologi yang tersendiri dalam *Taqrīb al-Tahdhīb* khususnya dalam pembahagian martabat perawi. Justeru, para pengkaji berselisih pandangan dalam menentukan maksud dan status bagi sebahagian martabat tersebut. Antara martabat yang diperselisihkan adalah martabat kelima. Perselisihan tersebut melibatkan isu yang berkaitan dengan status perawi *mukhtalaf fīh*, pembahagian lafaz *al-jarḥ wa al-ta’dīl* kepada *mufrad*, *mukarrar* dan *murakkab*, status perawi yang disifatkan dengan lafaz *murakkab* yang kebanyakan mereka berada dalam martabat kelima serta status hadith mereka. Oleh itu, satu kajian yang menyeluruh yang merangkumi aspek analisis perawi dan hadith perlu dilakukan terhadap setiap perawi yang disifatkan dengan lafaz-lafaz martabat kelima kitab *Taqrīb al-Tahdhīb* bagi memperolehi jawapan yang tepat mengenai status hadith mereka.

³⁰ Nu'aym As'ad al-Ṣafadī et. al. *Al-Ruwāḥ Al-Mawṣufūn Biṣadūq Lahu Awhām* ‘Inda Ibn Hajar Fī al-Taqrīb Mimman Rawā Lahum Al-Bukhārī Wa Muslim Fī Ṣaḥīḥayhima Takhrīj Wa Dirāsah. Hlm. 156-157.

RUJUKAN

- Al-‘Ānī, Walīd bin Ḥasan. 1999. *Manhaj Dirāsah al-Asānīd Wa al-Ḥukm ‘Alayhā*. Jordan: Dār al-Nafā’is.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. 2020. *Fatḥ al-Bārī Bisharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Syria: al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. 1908. *Tahdhīb al-Tahdhīb*. India: Dā’irat al-Ma‘ārif al-Nizamiyah.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. 2009. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Taḥqīq: Muḥammad ‘Awwāmah. Saudi: Dār al-Minhāj.
- Aḥmad Ma‘bad ‘Abd al-Karīm. 2004 *Alfāz Wa ‘Ibārāt al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl Bayna al-Afrād Wa Al-Takrīr Wa al-Tarkīb*. Saudi: Aḍwā’ al-Salaf.
- Bashār ‘Awwād Ma‘rūf, Shu‘ayb al-Arna’ūt. 1997. *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Faḥl, Māhir Yāsīn. 2006. *Kashf al-Īḥām Limā Taḍammanahu Tahrīr al-Taqrīb Min al-Awhām*. Saudi: Dār al-Maymān.
- Al-Ghawrī, Sayyid ‘Abdul Majīd. 2007. *Mu’jam Alfāz al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl Ma’a Tarājim Mūjazah Li’a’immah al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, ‘Abdul Raḥman bin Muḥammad. 1952. *Al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn Rajab al-Hambalī. 1987. *Sharḥ ‘Ilal Al-Tirmidhī*. Jordan: Maktabat al-Manār.
- Ibn Ṣalāḥ, ‘Uthmān bin ‘Abdul Raḥmān. 1998. *Ulūm al-Ḥadīth*. Syria: Dār al-Fikr.
- Kawaid, A.I.S.D., Aris, H. and Jamil, W.K.N.W., 2024. Status Riwayat Perawi Majhul antara Penerimaan dan Penolakan: The Status of Narrations by Majhul Narrators: Acceptance or Rejection. *Journal of Hadith Studies*, pp.20-32.
- Munā Maḥmūd Ibrāhīm Muḥammad. 2015. “Al-Ruwāḥ Alladhīna Qāla Fīhim Ibn Ḥajar Fī *Taqrīb al-Tahdhīb* Ṣadūq Yahim Wa’akhraja Lahum al-Bukhārī Fī Ṣaḥīḥih”. *Al-Farā’id Fī al-Buḥūth al-Islāmiyyah Wa al-‘Arabiyyah*. Mesir. 32 (1): hlm. 1793-1862.
- Muṣṭafā Abū Zayd. 2022. *Buḥūth Hadīthiyyah*. Mesir: Mishkāṭ al-Azhariyyīn.
- Muṣṭafā bin Ismā’īl. 1991. *Shifā’ al-‘Alīl Bi’alfāz Wa Qawā’id al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl*. Mesir: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Nu‘aym As‘ad al-Ṣafadī et. al. 2020. “Al-Ruwāḥ Al-Mawṣufūn Biṣadūq Lahu Awhām ‘Inda Ibn Ḥajar Fī al-Taqrīb Mimman Rawā Lahum Al-Bukhārī Wa Muslim Fī Ṣaḥīḥayhima Takhrīj Wa Dirāsah”. *Majallah al-Jāmi‘ah Li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*. 30 (1): hlm. 115-167.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharf. 2019. *Al-Taqrīb Wa al-Taysīr*. Istanbul: Dār al-Sammān.
- Nūriddīn ‘Itr. 2019. *Uṣūl al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl Wa ‘Ilm al-Rijāl*. Syria: Dār al-Minhāj al-Qawīm.